

NO SEBUTHARGA : PHD.PS.1a/2022

KEW.PA-27

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Kementerian/Jabatan : Jabatan Perhutanan Negeri Perak

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

BIL.	KETERANGAN ASET	LOKASI KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)	DEPOSIT S/HARGA
1.	PICK-UP ISUZU TFS55HD (M) NO.PLAT : AEF 1430	PEJABAT HUTAN RENJ SLIM RIVER DAERAH PERAK SELATAN, TAPAH, PERAK.	1	1,000.00	5%

2. Aset boleh mula dilihat pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :
 Lawatan ke tapak adalah **digalakkan dan adalah tanggungjawab sendiri untuk melihat sendiri keadaan kenderaan tersebut.**

2.1 Tempat : Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan
 Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak.

2.2 Tarikh : 5 Januari 2022 (Rabu) - 18 Januari 2022 (Selasa)

2.3 Masa : 9.00 Pagi - 4.00 petang

3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh dibeli di **Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan, Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak Darul Ridzuan** bermula **5 Januari 2022 hingga 18 Januari 2022** dengan harga sebanyak **RM 20.00** (Ringgit Malaysia : Dua puluh sahaja). **Wang hendaklah dalam bentuk Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang Pos atau tunai dan dibayar atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Tawaran hendaklah sah dari tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **PHD.PS.1a/2022** Pelupusan Aset dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat :-


**Jabatan Perhutanan Negeri Perak,
Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak.**

5. Tarikh tutup sebutharga adalah pada **18 Januari 2022 (Selasa), jam 12.00 tengahari di kaunter Tender, Bahagian Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.** Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebutharga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

“WAWASAN KEMAKMURANBERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(KHAIRUL NAIM BIN YA'AKUB)
Pegawai Hutan Daerah
Perak Selatan
TAPAH.

Sk :

- Pengarah Perhutanan Negeri Perak
- Pegawai Aset
- Penolong Jurutera Kanan (Seksyen Kejuruteraan)
- PHD Kinta Manjung
- PHD Larut Matang
- PHD Kuala Kangsar

PHD Hulu Perak

- Syarat dan peraturan sebutharga adalah seperti di mukasurat sebelah.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat atau orang perseorangan yang berminat bagi membeli/membida aset aset seperti yang disenaraikan.
2. Proses pembelian aset adalah termasuk membawa keluar semua bahan / sisa yang berkenaan.
3. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
4. Wang cagaran 5% daripada harga tawaran hendaklah dikepilkan bersama dengan borang tawaran, semasa memasuki tawaran. Tawaran tanpa/kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
5. Wang cagaran hendaklah dalam bentuk Bank Draft, Wang Pos atau Kiriman Wang Pos dan dibayar atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**".
6. Borang tawaran berserta dengan wang cagaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bermetri dan dialamatkan kepada :-

**PENGARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA, 30020 IPOH, PERAK.**

Dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** di Kaunter Tender, Bahagian Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan, Bandar Meru Raya, 30020 IPOH. Di tepi sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis **PELUPUSAN DAN HAPUS KIRA ASET ALIH KERAJAAN DI PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN, TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN.** (No. Sebutharga: PHD.PS.1a/2022)

7. Tawaran yang tidak mematuhi syarat-syarat tawaran, tidak akan dilayan dan dibatalkan.
8. Wang cagaran tidak akan dikembalikan dalam keadaan berikut :-
 - i) Jika penender yang berjaya, gagal menjelaskan bayaran baki tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.
 - ii) Jika menarik balik tawaran, bila-bila masa sebelum penerimaan tawaran secara rasmi.
9. Wang cagaran penender-penender yang tidak berjaya akan dikembalikan.
10. Penender yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis serta dikehendaki menjelaskan semua harga tawaran dalam tempoh **Satu (1) Minggu** dari tarikh surat tawaran di keluarkan dan membawa keluar aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dibuat. Jika gagal, deposit dan bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran dan tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
12. Penender yang ingin memasuki tawaran /bidaan, hendak menyiasat sendiri keadaan aset yang hendak dibida. Mana-mana orang yang memasuki tawaran dianggap berpuas hati dengan keadaan aset dan bersetuju mematuhi syarat-syarat tawaran. Aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).